

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah peruntukan serta bilangan projek bekalan air luar bandar yang diluluskan serta dilaksanakan di kawasan Baram sejak tahun 2018. Nyatakan nama/tempat projek yang telah siap dan sedang dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat terdapat empat(4) projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di kawasan Baram yang telah siap dan sedang dalam pelaksanaan. Projek yang telah siap adalah projek BALB Kawasan Beluru, Bahagian Miri dengan kos projek sebanyak RM69 juta. Projek ini siap pembinaan pada tahun 2019 dan dapat memberi manfaat kepada 962 buah bilangan rumah.

Manakala tiga (3) projek lagi iaitu Projek BALB Kawasan Marudi Bahagian Miri, Sarawak dengan kos sebanyak RM40 juta. Projek ini di dalam peringkat pembinaan dengan status pelaksanaan 80% dan dijangka siap pada Disember 2020. Bagi Projek BALB Kawasan Long Laput Bahagian Miri, dengan kos RM12 juta dan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Long Lama Bahagian Miri, dengan kos sebanyak RM58 juta masih di dalam peringkat reka bentuk.

Sekian, terima kasih.